

# Bengkel Analisa Penggunaan Sumber Maklumat Elektronik 2013

Oleh: Norazlyne Mohd Johan

Bengkel ini telah diadakan pada 22 Oktober 2013 bertempat di Auditorium Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Majlis perasmian bengkel telah disempurnakan oleh Puan Dg Rukiah Ag Amit, Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah bagi menggantikan Ybhg. Prof. Dr. Shariff Abd. Kadir S. Omang Al-Haj, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Malaysia Sabah.

Bengkel ini dihadiri oleh ketua-ketua Pustakawan dari Perpustakaan IPTA seluruh Malaysia dan Pustakawan-pustakawan yang menguruskan bahan bersiri dan sumber maklumat elektronik di Perpustakaan masing-masing, yang juga merupakan anggota bagi Malaysian Online E-Resources Consortium (MOLEC). Turut hadir adalah Dr. Nor Edzan Nasir, Ketua Pustakawan Universiti Malaya merangkap Pengerusi Malaysian Online E-Resources Consortium (MOLEC).

Objektif bengkel ini adalah bagi

menyediakan satu platform perkongsian melalui pembentangan berhubung dengan penggunaan sumber maklumat elektronik yang terdapat atau dilanggan oleh sesebuah institusi pendidikan yang terlibat seterusnya mencapai matlamat keberkesanan kos langganan. Ini selaras dengan peningkatan peruntukan kos langganan kepada sumber maklumat elektronik meliputi jurnal, buku dan tesis dalam format berkenaan. Antara pangkalan data yang terlibat dalam sesi analisa dan pembentangan ini adalah:

1. SCOPUS dibentangkan oleh UKM & UPM
2. Academic Source Premier (ASP) dan Business Source Complete (BSC) dibentangkan oleh UTM & UTHM
3. Proquest Dissertation & Thesis dibentangkan oleh UiTM
4. Ebsco E-Book dibentangkan oleh UMS & UNIMAS
5. Bernama Library & Infolink Serviceline (BLIS) dibentangkan

oleh UUM & UNIMAP

6. IEEE dibentangkan oleh UNITEN & MMU
7. IOP dibentangkan oleh USM

Di dalam bengkel ini, pengukuran prestasi sumber maklumat elektronik (pangkalan data) melibatkan pengumpulan statistik penggunaan mengikut piawaian Online Usage of Electronic Resources atau singkatannya COUNTER. Ini melibatkan statistik bilangan sesi penggunaan, bilangan muat turun teks penuh dan bilangan carian bagi sesuatu pangkalan data untuk tempoh setahun.

